

21/11/2000

Malaysia sedia raih manfaat globalisasi

Mutazar Abd Ghani; Wan Jailani Abd Razak; Saidon Idris; Azli Ayob LANGKAWI, Isnin - Malaysia dalam beberapa bidang, terutamanya dalam industri berkaitan sumber asli sudah bersedia untuk meraih manfaat daripada globalisasi.

Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Awam, Datuk Haron Siraj berkata, antara sektor yang terbabit ialah industri minyak sawit dan getah.

"Dalam kedua-dua bidang itu, kita sudah mempunyai kelebihan dan mampu bersaing dengan kompetitif apabila berlaku pembukaan pasaran kesan globalisasi," katanya di sidang media selepas sesi terakhir hari kedua Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 (LID 2000) di sini, hari ini.

Beliau berkata, dalam kedua-dua bidang itu, Malaysia sudah membangunkan teknik pengeluaran, klon dan amalan agronomi termaju yang memastikan kadar pengeluaran lebih tinggi pada masa depan.

Malaysia juga, katanya sudah membangunkan teknologi pemerosesan dan penggunaan alternatif bagi kedua-dua bahan mentah itu, terutamanya minyak sawit.

"Sebagai contoh menghasilkan disel daripada minyak sawit yang sudah terbukti berdaya saing hasil penyelidikan lebih 10 tahun menggunakan enjin kereta Mercedes Benz," katanya.

Haron menegaskan, walaupun timbul beberapa masalah dalam pemasaran kedua-dua bahan itu akibat tindakan sesetengah negara mengenakan peraturan import yang ketat, tetapi dengan teknologi yang ada, masalah itu mampu diatasi dengan berkesan.

Ketua Eksekutif Netcel360 Pte Ltd yang turut menjadi panel dalam sidang media itu berkata, Internet dan globalisasi adalah dua fenomena yang berkembang secara beriringan.

Oleh itu, katanya, dalam era globalisasi, Internet akan menjadi alat perniagaan paling berkuasa dan sesiapa yang terlebih dahulu menguasainya akan menjadi penerima manfaat paling besar.

Beliau berkata, oleh yang demikian semua negara dan syarikat perlu mempunyai polisi Internet masing-masing.

Sementara itu, difahamkan, perbincangan dalam sesi kedua bertajuk "Pengurusan Globalisasi" yang turut disertai ketua kerajaan, termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pemimpin perniagaan serta media hari ini, beberapa cadangan dan saranan di kemukakan peserta dialog.

Antaranya, ialah supaya setiap negara rakan dialog merangka polisi kebangsaan mengenai globalisasi dengan mengambil kira kepentingan negara masing-masing.

Menyedari globalisasi adalah sesuatu yang tidak dapat ditolak, rakan dialog menggesa setiap negara melengkapkan diri dengan mengukuhkan kekuatan bagi menghadapinya.

Dalam menerima globalisasi, negara membangun perlu memastikan kedaulatan masing-masing tidak terjejas.

Dalam hal ini, ada rakan dialog mencadangkan supaya projek kebangsaan tidak dibuka kepada persaingan antarabangsa.

Berkaitan dengan kesan globalisasi kepada nilai budaya pula, terdapat cadangan supaya negara rakan dialog mengenalpasti budaya yang perlu dikekalkan dan mengukuhkannya menerusi pendidikan.

Bagi memastikan negara membangun tidak ketepikan dalam mencorak persekitaran baru dunia, rakan dialog mencadangkan supaya ditubuhkan kumpulan negara yang mempunyai daya runding yang tinggi di forum antarabangsa.

(END)